

ARIFIN MAMAT & ADNAN ABD RASHID

Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Qur'an sebagai Asas Pendidikan

RESUME: Al-Qur'an merupakan sumber penting bagi umat Islam dalam memperkasa mutu pendidikan. Justeru, dalam mendidik manusia, beberapa strategi telah ditunjuk-ajarkan oleh Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala). Diantaranya cerita-cerita yang direkodkan untuk diteladani serta memberi pengajaran yang amat bermanfaat kepada manusia. Di antara paparan cerita penting yang telah direkodkan oleh Allah SWT dalam kandungan Al-Qur'an ialah mengenai seorang pendidik agung yang bernama Luqman al-Hakim. Artikel ini menganalisa nilai-nilai murni yang ditekankan oleh Luqman al-Hakim dalam pendidikan terhadap anaknya, sebagaimana tercatat didalam surah Luqman ayat 13 hingga 19. Beberapa nilai murni yang berbentuk universal, yang telah ditegaskan oleh Luqman al-Hakim didalam mendidik anaknya, dapat menggariskan satu panduan pendidikan yang signifikan kepada masyarakat Islam masa kini. Diantaranya adalah teras keimanan yang tidak mensyirikkan Allah SWT dan menghormati ibu-bapa yang berada di kedudukan yang kedua selepas kepercayaan kepada Allah. Begitu juga penerapan sifat taqwa dan waspada terhadap Allah, mendirikan sholat, serta seterusnya membuat makruf dan mencegah kemungkaran. Corak pendidikan yang diaplikasikan itu adalah munasabah dan tetap unggul sehingga ke hari ini. Oleh itu, asas-asas nilai yang direkodkan didalam Al-Qur'an surah Luqman wajar dijadikan panduan oleh para pendidik dan ibu-bapa, juga oleh pihak-pihak yang berkaitan.

KATA KUNCI: Pendidikan karakter, nilai-nilai murni, pendidikan dalam Islam, Al-Qur'an dan surah Luqman, serta amalan taqwa dan akhlak mulia.

ABSTRACT: This article entitled "Applications of Noble Values Based on Themes of Luqman al-Hakim in the Al-Qur'an as the Basic of Education". The Al-Qur'an is an important source of empowerment for Muslims in educational quality. Thus, in educating people, several strategies have been lessoned by Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala). Among the stories are recorded to emulate and give a useful lesson to the people. Between display important story that has been recorded by God in the content of Al-Qur'an is the great educator named Luqman al-Hakim. This article analyzes the values emphasized by Luqman al-Hakim in the education of his children, as stated in surah Luqman verse 13 to 19. Some values are universal, which has been emphasized by Luqman al-Hakim in educating his children, can outline a significant educational guide to the Muslim community today. Among them is a core belief in the only One God Almighty and without associating Him with others, and respect the parents who are in the second position after the trust in God. Similarly, application of piety and beware of Allah, establish prayer, and thus make what is right and forbidding evil. Type of education that applied is reasonably and fixed superior to this day. Thus, the fundamentals of the value recorded in the Al-Qur'an surah Luqman must be used as guidance by educators and parents, as well as by all parties concerned with education.

KEY WORD: Character education, noble values, education in Islam, Al-Qur'an and surah Luqman, and the practice of piety and good character.

PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan sumber teragung dan terpenting masa lampau, kini, dan akan datang bagi umat Islam dalam memperkasa mutu dan nilai pendidikan yang sebenarnya. Nilai dan mutu pendidikan agung telah dijelaskan pada awal surah Al-Baqarah

ayat 1, bermaksud: "Ini kitab adalah sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa" (dalam Muhammad Basmih, 2000). Ayat ini menjelaskan bahawa nilai *taqwa* merupakan kualiti yang amat penting dan agung dimana sewajarnya dimiliki oleh setiap individu Muslim. Dalam mendidik umat

manusia ke arah ketaqwaan, beberapa strategi telah ditunjuk-ajarkan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) untuk membangkit dan menghidupkan jiwa individu Muslim agar dipancarkan oleh cahaya Al-Qur'an.

Di antara strategi yang sering dipaparkan ialah kisah-kisah atau peristiwa atau cerita-cerita yang direkodkan didalam Al-Qur'an untuk diteladani serta memberi pengajaran yang amat bermanfaat untuk menjadi ikutan dan panduan umat Islam khususnya dan manusia sejagat amnya. Diantara paparan cerita yang penting dan agung, yang telah direkodkan oleh Allah SWT dalam kandungan Al-Qur'an, ialah mengenai seorang pendidik agung yang bernama Luqman al-Hakim. Artikel ini cuba menganalisa dan membincangkan nilai-nilai murni yang ditekankan oleh Luqman al-Hakim dalam pendidikan terhadap anaknya, sebagaimana tercatat didalam ayat 13 hingga 19, iaitu didalam Al-Qur'an surah Luqman.

Beberapa nilai murni utama yang berbentuk universal, yang telah ditegaskan oleh Luqman al-Hakim didalam mendidik anaknya, dapat menggariskan satu panduan pendidikan yang signifikan kepada masyarakat Islam masakini yang terumbang-ambing didalam arus globalisasi di abad ke- 21 ini, yang mencemar dan mencabar keimanan individu Muslim dan manusia sejagat, terutamanya di kalangan para remaja yang rapuh erti kehidupan. Nilai murni keremajaan masa kini tercalar dengan momokan media, samada media elektronik maupun media cetak, dan lebih ketaranya internet yang menyalur sumber maklumat tanpa batasan atau sempadan, samada positif ataupun negatif.

Dalam situasi sebegini, para remaja lebih tertarik dan cenderung dengan unsur-unsur negatif yang kononnya "pengubat hati yang lara dan penenang fikiran yang kusut" daripada keclaruan hati dan jiwa. Namun, ia sebenarnya menjerumuskan para remaja ke kancah krisis nilai dan moral yang kronik, ditokok pula dengan kekosongan jiwa dan rohani yang gersang dengan keimanan, yang akhirnya para remaja terjebak dengan perbagai masalah sosial; ianya bagaikan

bisul pecah yang tidak sembuh-sembuh, bahkan menjangkiti remaja yang lain.

PENDIDIKAN DAN PENERAPAN NILAI MORAL YANG BAIK

Keperihatinan semua pihak kepada soal nilai dan moral para remaja pada masa kini, memang tidak dapat dinafikan dan dipersoalkan. Contohnya, kesedaran dan perihatin pakar-pakar pendidikan dan penggubal kurikulum tentang peri-pentingnya penerapan nilai dalam pengajaran, amat jelas dengan penyenaian 16 nilai-nilai murni oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, yang wajar diterapkan oleh guru-guru didalam proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga penubuhan Institut Integriti Nasional pada 2004, juga merupakan contoh kesungguhan pihak pemerintah ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang dinamik dengan bertunjangkan nilai-nilai terpuji dan moral yang baik. Ianya diikuti dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan kehidupan yang bermoral seperti kempen "budi bahasa, amalan kita".

Tidak kurang penting juga Kementerian-kementerian yang berkaitan berusaha dengan bersungguh, khususnya berkaitan dengan remaja dan wanita, dalam usaha memperkasa jatidiri para remaja. Tetapi usaha-usaha dan kesungguhan ini seolah-olah hambar dan kurang meninggalkan kesan yang mendalam di hati para remaja masa kini, terutamanya yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Oleh itu, dimanakah silapnya segala daya-usaha dan belanjawan-bajet yang telah dicurahkan? Apakah langkah seterusnya dalam mendidik masyarakat, khususnya para remaja masa kini?

Artikel ini cuba mengenengahkan langkah-langkah yang dilakukan oleh Luqman al-Hakim dalam mendidik nilai murni dan akhlak yang mulia terhadap anak remajanya, sehingga kegigihan usahanya itu direkodkan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) didalam Al-Qur'an, yang tidak dapat dipertikaikan lagi keabsyahannya.

Pendidikan membawa maksud

perihal mendidik, iaitu memelihara dan mengasuh secara baik (DBP, 2002). Pendidikan melibatkan ilmu pengetahuan dan pemahaman, serta suatu perspektif kognitif yang tidak kaku (Aroff & Kasa, 1999). Menurut Ibnu Khaldun, pendidikan akan lahir dengan *ma'rifah*, pengetahuan dan kebijaksanaan (dalam al-Na'miy, 1994). Seseorang akan mengambil daripada sesuatu masyarakat pelbagai corak ilmu pengetahuan, kemudian berusaha menambah pengetahuan-pengetahuan yang baru. Ianya juga berkaitan dengan *ta'dib*, yang bermaksud mengajar adab atau akhlak (Suhid, 2005).

Berdasarkan definisi-definisi pendidikan tersebut tidak dapat dinafikan bahawa proses pendidikan dapat memperkayakan ilmu pengetahuan dan memperkasakan *aqal* individu, dimana ini dapat mendorong individu berkenaan menjadi manusia yang bermoral, beradab, dan berakhlak. Hanya ilmu-ilmu yang keji (*mazmumah*) sahaja yang menjerumuskan seseorang individu itu ke arah keburukan dan kejahatan, seperti ilmu sihir dan sebagainya yang dilarang oleh ajaran Islam. Oleh itu, pemantapan pendidikan, terutamanya berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, dapat melahirkan individu yang mempunyai nilai-nilai moral yang baik. Nilai, moral, adab, dan akhlak digunakan dalam kajian ini merujuk kepada tingkah-laku baik, atau budi pekerti yang dimiliki oleh seseorang individu (Mohd Nordin, 1988). Ianya merupakan tabiat baik dan positif yang dapat diterima oleh fitrah kejadian manusia.

Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha menerapkan nilai-nilai murni di sekolah untuk membentuk para pelajar agar berperibadi mulia dan mampu dalam membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti, dan masyarakat. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia pula telah memperakui enam belas nilai-nilai murni, seperti berikut: (1) baik hati, (2) berdikari, (3) hemah tinggi, (4) hormat-menghormati, (5) kasih-sayang, (6) keadilan, (7) kebebasan, (8) keberanian, (9) kebersihan fizikal dan mental, (10) kejujuran, (11) kerajinan,

(12) kerjasama, (13) kesederhanaan, (14) kesyukuran, (15) rasional, dan (16) semangat bermasyarakat (JP, 1998).

Namun demikian, usaha yang bersungguh dan murni daripada pihak Kementerian itu, nampaknya, tidak membuahkan hasil sewajarnya. Ini dapat dilihat daripada fenomena-fenomena masalah disiplin pelajar di sekolah pada hari ini yang agak ketara, dimana kes-kes buli, memukul kawan dan guru, terlibat dengan merokok, dadah, pesta seks, bahkan hingga membunuh, masih berlaku di kalangan pelajar, walaupun sudah dibendung.

TERAS UTAMA PENDIDIKAN LUQMAN AL-HAKIM TERHADAP ANAKNYA DAN IMPLIKASI PENDIDIKAN MASA KINI

Pertama, Tidak Mensyirikkan Allah SWT. Teras utama pendidikan nilai yang ditekankan oleh Luqman al-Hakim, semasa memberi nasihat dan mendidik anaknya, ialah dengan berpegang teguh kepercayaan kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Kepercayaan yang jitu kepada kewujudan Tuhan menjadi intipati penting bagi pembentukan nilai murni, seterusnya melahirkan anak yang bermoral, dan seterusnya generasi yang harmoni. Ianya dapat dijelaskan melalui firman Allah, dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 13, yang bermaksud: "*Dan (ingatlah!) tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: 'Wahai anak kesayanganku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain'*" (dalam Muhammad Basmi, 2000).

Berdasarkan penjelasan ayat ini, Luqman al-Hakim menegaskan bahawa aspek keimanan kepada Allah, sebagai paksi utama proses pendidikan anaknya, bagi melahirkan generasi yang berakhlak mulia. Iman menghubungkan individu dengan penciptanya, iaitu Allah SWT. Sekiranya jalinan suci dan ikhlas individu dengan Allah SWT itu teguh dan mampan, maka sudah tentu ia dapat membina diri dengan sifat redha kepada titah dan perintah Allah SWT. Sesungguhnya, sifat redha ini adalah satu nilai yang tiada tolak bandingnya dalam kehidupan manusia. Ini adalah

kerana sifat redha itu sebagai pemangkin diri untuk melakukan segala kebaikan dan kebajikan yang diredhai oleh Allah SWT dan menjauhkan diri dari perkara-perkara yang dilarang oleh Allah.

Individu yang melakukan aktiviti kehidupannya dengan mencari keredhaan Allah sudah pasti akan membiasakan tabiat dirinya dengan kebaikan dan menjauhi perkara-perkara yang tidak diredhai oleh Allah SWT, iaitu perkara-perkara yang mungkar dan keji. Sekiranya terbina sifat ini, maka lahirlah individu yang bertaqwa dan bersyukur kepada Allah SWT. Individu yang senantiasa mencari keredhaan Allah pula sudah pasti Allah redha dengannya di dunia dan lebih-lebih lagi di hari akhirat. Ini dijelaskan didalam Al-Qur'an surah Al-Bayyinaat, ayat 7-8 yang bermaksud:

Sesungguhnya, orang-orang yang beriman dan beramal salih, mereka adalah sebaik-baik makhluk. Balasan bagi mereka di sisi Tuhan ialah Syurga Adni, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan mereka kekal di dalamnya selama-lamanya, yang mana Allah redha dengan mereka dan mereka redha dengan Allah SWT. Dengan yang demikian, syurga itu adalah bagi orang-orang yang takut pada Tuhannya (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Sifat redha, yang diasaskan oleh keimanan yang jitu kepada Allah, amat penting dalam teras pendidikan masa kini, yang perlu diterapkan dengan nada kesungguhan dalam semua sektor pendidikan, samada kurikulumnya, pembelajaran, dan pengajaran mahupun buku teks dan sebagainya. Pada umumnya, sebahagian dari generasi muda yang hilang identiti kemanusiaan waktu ini dan hanyut dengan arus kerakusan dunia yang fana ini masih dapat dipulihkan dengan memperkukuhkan kualiti iman serta sifat redha dalam diri dan persekitaran, samada di sekolah mahupun di rumah.

Media massa juga perlu memperkasakan siaran dan rancangan yang boleh menyuburkan keimanan individu dan generasi masa kini dengan hidangan dan santapan yang berguna lagi berfaedah, selaras dengan syariat agama Islam. Intipati iman dan redha yang diterapkan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya tidak

seharusnya dipandang sepi dalam aspek pendidikan generasi masa kini. Kepentingan peranan agama dan aqidah yang mantap oleh individu diutamakan, kerana ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya agar diterima oleh Allah SWT (Suhid, 2005).

Kedua, Berbuat Baik kepada Ibu-Bapa. Setelah memberi penekanan kepercayaan kepada Tuhan, atau keimanan yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Tuhan, Luqman al-Hakim menegaskan pula nilai yang berhubung-kait antara manusia dengan manusia. Dalam hal ini, orang yang paling rapat dengan setiap individu ialah ibu-bapa mereka, terutamanya ibu. Menghormati ibu-bapa berada di kedudukan yang kedua selepas kepercayaan kepada Allah, seperti yang dijelaskan dalam Al-Qur'an surah Al-Isra' ayat 23, yang bermaksud: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain daripada-Nya, dan kepada kedua ibu-bapa hendaklah kamu berbuat baik"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Oleh itu, menghormati dan menyanjung ibu-bapa bukanlah satu perkara yang kecil di sisi Islam. Di waktu ini, nilai menghormati ibu-bapa menjadi kian pudar di sesetengah kalangan masyarakat, samada masyarakat Islam atau bukan Islam, disebabkan oleh kesibukan diri dan duniawi. Sebenarnya, menghormati ibu-bapa adalah asas yang amat penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Tanpa kasih-sayang yang tercetus di antara anak dengan ibu-bapa dan rasa penghormatan terhadap mereka, maka sudah tentu tidak akan wujud kasih-sayang di antara individu dalam masyarakat, yang akhirnya lahir masyarakat yang pentingkan diri sendiri. Keharmonian masyarakat adalah cetusan dari kasih-sayang dalam keluarga, seperti mana yang ditegaskan di dalam surah Luqman.

Penekanan terhadap nilai penghormatan terhadap ibu-bapa jelas digambarkan oleh firman Allah, dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 14, yang bermaksud: *"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu-bapanya"* (dalam Muhammad Basmih, 2000). Ayat ini dengan jelas memerintah anak-anak agar berbuat

baik kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi terhadap ibu (al-Sabuni, 1981). Nasihat ini menggambarkan susah-payah seorang ibu dalam usaha membesarkan anak-anak mereka, bermula dari dalam kandungan lagi sehinggalah mereka menjadi kuat dan mampu bergerak dan bertindak sendiri.

Penghargaan anak-anak terhadap kedua ibu-bapanya adalah mutlak, pasti disempurnakan secara baik dalam apa rupa sekalipun, walaupun mereka berbeza fahaman agama (Semait, 1991). Namun demikian, jika ia melibatkan urusan yang bertentangan dengan agama, seperti syirik kepada Allah, di ketika itu anak-anak tidak wajar mengikuti arahan ibu-bapa. Ini jelas pula dalam firman Allah, dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 15, yang bermaksud: *"Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku, sesuatu yang engkau – dengan fikiran sihat engkau – tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka, dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik"* (dalam Muhammad Basmihi, 2000).

Berdasarkan ayat dari surah Luqman yang menegaskan nilai penghormatan kepada ibu-bapa, amat wajar dititik-beratkan oleh semua pihak dalam usaha mendidik anak-anak. Sebelum ibu-bapa menerima penghormatan dari anak-anak mereka, adalah menjadi tanggungjawab mereka pula untuk mendidik anak-anak mereka dengan landasan yang diatur oleh ajaran Islam. Kasih-sayang adalah merupakan teras yang penting untuk membina keluarga yang kukuh.

Surah Luqman menegaskan mengenai dua tahun tempoh penyusuan perlu dipertanggung jawabkan kepada ibu kandung atau ibu susu. Dalam tempoh ini, aliran darah ibu mengalir ke tubuh anak, yang mana ia sekurang-kurangnya sudah membina pertautan kasih-sayang, dan seterusnya disuburkan lagi dengan pendidikan yang berteraskan kasih-sayang. Pertautan darah ibu dan anak inilah yang menjalin hubungan kasih-sayang yang tidak akan putus, walaupun si ibu kembali ke alam *barzah* (mati), tetapi jasa-jasanya tetap

dikenang dan dihormati.

Oleh itu, aspek penyusuan ibu tidak boleh dipandang remeh dalam usaha membentuk nilai-nilai yang baik terhadap anak-anak dan menimbulkann rasa kasih-sayang mereka terhadap ibu-bapa. Pengabaian kasih-sayang di antara ahli keluarga sudah pasti akan merosakkan jiwa anak-anak, dan seterusnya anak-anak yang rosak jiwa inilah yang akan merosakkan keharmonian masyarakat dengan menimbulkan berbagai masalah sosial.

Ketiga, Penerapan Sifat Taqwa dan Waspada terhadap Allah SWT. Berdasarkan teras keimanan yang telah ditanam di awal fasa pendidikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya, beliau memperkasakan iman itu dengan sifat taqwa dan waspada bagi memantapkan lagi jati diri anaknya dalam mentaati Allah dan berakhlak mulia terhadap sesama manusia. Luqman al-Hakim telah menyemai sifat taqwa dan waspada yang dianggap penting terhadap anaknya bagi menimbulkan kesedaran, kepekaan, dan perasaan bahawa segala aktiviti manusia senantiasa didalam pemerhatian Allah dan tidak terlepas dari pemantauan-Nya.

Oleh itu, semua amalan manusia, walau sekecil mana sekalipun, tidak kira bagaimana dan dimana saja ia dilakukan, samada yang baik mahupun yang buruk, pasti akan diketahui oleh Allah (Semait, 1991). Dalam aspek ini, Luqman al-Hakim telah berpesan kepada anaknya, sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 3, yang bermaksud: *"Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya, jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) seberat biji sawi sekalipun, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah, untuk dibicarakan dan dibalasnya"* (dalam Muhammad Basmihi, 2000).

Sebenarnya, sifat taqwa dan waspada dalam ayat ini membawa implikasi yang besar dalam kehidupan manusia, dimana mereka akan memaksimumkan serta berlumba-lumba melakukan perkara yang baik, dan berusaha untuk meminimumkan daripada sebarang kesalahan dan perkara-

perkara yang dilarang oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Penanaman sifat ini menjuruskan ketelitian hidup dan aktiviti kehidupan harian seseorang individu, bahkan ianya akan dilakukan dengan penuh ikhlas, tekun, dan teliti.

Oleh itu, amat wajar sifat dan aspek ini diberi perhatian tegas didalam bidang pendidikan masa kini dalam menjana anak-anak ke arah kemercuan akhlak yang mulia. Sifat taqwa dan waspada ini dapat melahirkan individu yang berkualiti hasil penelitian kerjanya, yang sentiasa terawas dan dalam pemerhatian Allah. Sudah pasti, individu yang berkeperibadian seperti ini akan mendorong kehidupannya ke arah kebaikan dan mencari keredhaan Allah setiap detik tugas dan tanggung jawabnya, yang akhirnya menjurus sifat amanah dalam dirinya.

Keempat, Mendirikan Sholat, Membuat Makruf dan Mencegah Kemungkaran, serta Bersabar. Luqman al-Hakim telah mewasiatkan anaknya supaya mengambil berat terhadap tanggungjawab asas dalam agama, iaitu mendirikan sholat; perihatin kepada masyarakat, iaitu melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran; dan kekuatan diri, iaitu bersedia untuk berhadapan dengan segala kemungkinan atau musibah dengan penuh kesabaran. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 17, yang bermaksud: "*Wahai anakku! Dirikanlah sholat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah mereka dari perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu*" (dalam Muhammad Basmi, 2000).

Sholat ialah pokok syariat Islam yang penting, oleh kerana itulah ianya menjadi rukun Islam yang utama sesudah mengucap dua kalimah syahadah. Sabda Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*), yang bermaksud: "*Sholat itu adalah tiang agama. Sesiapa yang mendirikan agama, maka dia telah mendirikan agama. Dan sesiapa yang meninggalkannya, maka dia telah merobohkan agama*" (dalam Hamid et al., 2005). Sholat merupakan bukti kepatuhan hamba kepada Tuhan yang menciptanya. Ia juga merupakan suatu perhubungan

langsung antara hamba dengan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Ini adalah kerana setiap kali seseorang menunaikan sholat atau sembahyang, setiap itulah dia membersihkan diri dengan memohon keampunan, menyatakan kesetiaan, meminta diperluaskan rezeki, dan banyak lagi (Semait, 1991).

Justeru, tepatlah bila sholat itu merupakan tanggungjawab penting bagi setiap individu Muslim. Sekiranya seseorang Muslim perihatin dan mudah untuk melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Allah SWT, maka sudah pasti tanggungjawabnya terhadap sesama manusia tidak diabaikan, seperti mana yang diperintahkan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya supaya berdakwah.

Selain dari itu, perintah Luqman al-Hakim kepada anaknya supaya mendirikan sholat kerana matlamat sholat dapat menghindarkan seseorang individu itu dari sifat dan perbuatan yang buruk serta keji, kerana sholat itu pula merupakan proses penyucian diri, samada jasmani atau rohani. Ia dapat memelihara seseorang individu itu supaya sentiasa berada di landasan yang benar dan lurus, dan memelihara diri supaya tidak terjebak dari perbuatan dosa. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Al-Ankabut ayat 45, yang bermaksud: "*[...] dan dirikanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar*" (dalam Muhammad Basmi, 2000).

Dengan mendirikan sholat dapat memantapkan disiplin diri anak-anak sebelum mereka menggalas tugas dan tanggungjawab untuk menyampaikan dakwah, iaitu menyeru manusia kepada kebaikan dan menghindar daripada kemungkaran. Manakala *istiqamah* dalam sholat dapat memperkukuhkan iman individu, kerana bacaan dan pujian dalam sholat sentiasa membesar dan mengagungkan Allah. Ini bermakna bahawa jati diri, disiplin diri, dan komitmen tinggi yang dibina melalui sholat terhadap anak-anak akan menjadi benteng yang kuat dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan mendatang dengan penuh kesabaran. Wasiat Luqman al-Hakim supaya anaknya

sentiasa bersabar ketika berhadapan dengan musibah dan tidak mudah mengalah dengan cabaran-cabaran, kerana kesabaran itu kunci kejayaan individu, samada di dunia mahupun di akhirat.

Pada hakikatnya, wasiat Luqman al-Hakim ini mempunyai nilai pendidikan yang tinggi dalam melahirkan individu yang berkualiti, berdaya saing, dan daya komitmen diri yang tidak mudah layu dengan segala rintangan. Pendidikan nilai, hasil dari sholat yang ingin diterapkan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya, melibatkan perasaan bertanggungjawab terhadap tugas utama yang diamanahkan kepadanya. Ini bermakna bahawa dengan mendirikan sholat secara *istiqamah* dapat menanam rasa tanggungjawab yang tinggi didalam diri seseorang individu terhadap tugas yang diamanahkan kepadanya.

Dengan ini, ibu-bapa dan pihak yang berwajib semesti menekan aspek mendirikan sholat secara berterusan di kalangan anak-anak atau pelajar-pelajar sekolah, supaya ianya menjadi satu kelaziman dan dapat meletak individu di atas landasan kebaikan dan nilai akhlak yang bermutu tinggi. Dengan keperibadian sebegini, anak-anak bukan sahaja bertingkah-laku yang baik, bahkan mereka bersiap-siaga untuk menggerakkan kerja-kerja kebajikan di dalam masyarakat dan melakukan kerja-kerja kebajikan dengan penuh perhatian, tekun, dan sabar dalam apa jua keadaan. Individu yang memiliki nilai yang baik seperti ini akan berusaha agar orang lain bersama-sama melakukan perkara kebaikan sepertinya, serta tidak selesa dengan perkara-perkara buruk yang berlaku di sekelilingnya. Perasaan prihatin seperti ini merupakan intipati yang penting dalam pembentukan kehidupan masyarakat yang bermoral tinggi.

Disamping itu, penerapan sifat kesabaran, samada mental dan fizikal mahupun rohani, amat wajar ditekankan kepada anak-anak atau pelajar kerana kesabaran itu adalah nilai yang amat dituntut, terutama apabila berdepan dengan pelbagai dugaan dan cabaran ketika menjalankan tanggungjawab, serta mengajak manusia kepada perkara baik

dan melarang mereka daripada melakukan perkara yang buruk (Hawwa, 1989).

Dengan adanya sifat sabar yang utuh dalam diri anak-anak atau pelajar, ianya dapat menghindarkan mereka dari sifat berputus asa atau mencari jalan singkat dalam mencari ketenangan, seperti mengambil dadah, membunuh diri, dan sebagainya. Oleh itu, sifat sabar perlu dipupuk di kalangan anak-anak atau pelajar supaya ianya menjadi satu habit yang baik dimana dapat berhadapan dengan apa jua cabaran di hari muka.

Kelima, Menjauhkan Diri dari Sifat Sombong, Bersederhana, dan Lunak Ketika Bercakap. Penekanan pendidikan adab atau akhlak yang mulia ditegas oleh Luqman al-Hakim, yang didalam nasihatnya telah melarang anaknya daripada sikap sombong dan meninggi diri, contohnya dengan memaling muka ketika bercakap dengan seseorang. Justru, yang dicadangkan adalah bersederhana dalam segala tindakan dan bercakap dengan percakapan yang baik dan lunak didengar. Luqman al-Hakim mewasiatkan aspek-aspek ini adalah untuk meredakan ego diri yang terdapat pada setiap individu, yang mana jika dituruti sifat ego ini mendorong seseorang individu menjadi sombong.

Sifat sombong, walaupun sebesar biji sawi sekalipun, adalah sifat yang amat dikeji oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dan sifat ini tiada tempatnya di Syurga. Manusia dilarang memiliki sifat-sifat keji, seperti sombong, angkuh, dan ego dengan memandang manusia yang lain tidak setaraf dan sebanding dengannya. Ini adalah kerana semua kemuliaan yang dibanggakannya itu datangnya daripada Allah (Semait, 1991) dan ianya bersifat sementara. Ini adalah juga, sepertimana firman Allah dalam Al-Qur'an surah Ali 'Imran ayat 26, yang bermaksud bahawa Allah SWT boleh memberi sebarang kemuliaan kepada sesiapa sahaja yang diingini-Nya dan menariknya kembali daripada sesiapa yang dikehendaki-Nya (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Oleh itu, Luqman al-Hakim mewasiatkan anaknya dengan beberapa karakter yang perlu dielakkan dan tidak diamalkan dalam hidup, sepertimana firman Allah

dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 18-19, yang bermaksud: "*Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong [...]. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu semasa berkata-kata*" (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, dengan jelas Luqman al-Hakim ingin menanam nilai perasaan rendah diri, khususnya di hati anaknya dan umumnya buat sekalian manusia. Nilai ini wajar disemai semasa anak-anak masih kecil agar mereka dapat membesar dalam lingkungan yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini adalah kerana sikap merendahkan diri akan melahirkan *mahabbah*, kasih-sayang sesama manusia. Manakala sifat atau nilai kesederhanaan juga ditekankan oleh Luqman al-Hakim semasa menasihati anaknya.

Kesederhanaan semasa berjalan dan merendahkan suara ketika bercakap adalah isyarat sederhana dan pertengahan di dalam perbuatan dan percakapan (al-Razi, 1995). Pada hakikatnya, karakter-karakter yang diwasiatkan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya itu adalah di antara karakter pembentuk peribadi seseorang individu yang sekiranya dibiarkan sebagai amalan dan habit dalam kehidupan, ia akan menjuruskan diri kepada sifat takabur, sombong, dan ego seperti Iblis, Fir'aun, Namrud, dan lain-lain. Kezaliman dan kejahatan di dalam sesebuah masyarakat muncul dari sifat-sifat sombong, takabur, dan ego seseorang individu. Oleh yang demikian, ia perlu dihakis dari diri seseorang berdasarkan keimanan kepada Allah SWT.

Pada masa ini, karakter-karakter yang diwasiatkan oleh Luqman al-Hakim tidak begitu diendah dan tekankan oleh sesetengah ibu-bapa dan guru-guru di alam persekolahan. Tidak hairanlah berlakunya buli-membuli di kalangan murid, rakan sebaya di sekolah atau di institusi pendidikan, atau rakan sekerja di pejabat-pejabat yang berpunca dari sifat ego. Ada sesetengahnya tidak boleh ditegur-

sapa kerana ke-egoan-nya yang tinggi dan tiada toleransi dalam hidupnya. Sikap yang terbina dari karakter ini sebenarnya menghakis sifat kejiwaan dan persaudaraan sesama manusia, dan ianya sebagai pencetus pelbagai masalah perhubungan, pentadbiran, dan sosial kepada pesekitaran kehidupan individu berkenaan, yang akhirnya tiada keharmonian dirinya dengan orang lain.

Oleh itu, wasiat Luqman al-Hakim berdasarkan ayat ini perlu diaplikasikan dalam pendidikan masa kini, samada di rumah atau di sekolah. Pihak yang berwajib, terutamanya Kementerian Pelajaran, perlu menilai wasiat-wasiat Luqman al-Hakim agar dapat diadaptasi dan diaplikasi di alam persekolahan bagi melahirkan generasi pelajar yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain, berakhlak mulia, bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat, dan sebagainya. Wasiat-wasiat ini juga memberikan impak yang besar kepada jalinan perhubungan sesama manusia dan mengharmonikan masyarakat sejagat, khususnya di Malaysia.

Mengenai Justifikasi Pendidikan.

Nilai-nilai murni yang disampaikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya, samada berbentuk perintah atau larangan, akan diikuti dengan justifikasi atau alasan yang munasabah untuk menguatkan hujah dan meyakinkan anaknya. Justifikasi tersebut, sepertimana dipetik oleh Rosnaini Hamid *et al.* (2005), adalah seperti berikut:

Pertama, larangan daripada syirik, mempersekutukan Allah, disertakan dengan justifikasi bahawa syirik merupakan satu kezaliman yang sangat besar. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 13, bermaksud: "*Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar*" (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Kedua, suruhan berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, terutama terhadap ibu, diikuti dengan penjelasan tentang penderitaan seorang ibu semasa mengandung anaknya, yang mengambil masa yang panjang, dan juga semasa penyusuan bayi. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 14, yang

bermaksud: *"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu-bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Ketiga, nasihat Luqman al-Hakim supaya berwaspada terhadap semua amalan yang dilakukan dan menanam perasaan dipantau, disertakan dengan peringatan bahawa Allah amat mengetahui segala sesuatu. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 16, yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah amat halus pengetahuan-Nya, lagi amat meliputi segala yang tersembunyi"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Keempat, perintah supaya melaksanakan tanggung jawab, iaitu mendirikan sholat atau sembahyang, melakukan *amr ma'ruf* dan *nahy munkar*, serta peringatan supaya bersabar dengan diiringi pernyataan bahawa tugas tersebut merupakan tugas yang amat dituntut oleh agama. Ia sememangnya tugas yang berat dan menuntut kesabaran yang tinggi. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 17, yang bermaksud: *"Sesungguhnya, yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Kelima, larangan agar tidak sombong dan meninggikan diri, disertakan dengan ungkapan yang menjelaskan bahawa perbuatan tersebut tidak disukai oleh Allah. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 18, yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong, takabur, lagi membangga diri"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Keenam, perintah agar mengamalkan nilai kesederhanaan dalam perbuatan dan percakapan, disertakan dengan perumpamaan tentang keburukan orang yang meninggikan suara, seperti suara keledai. Firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 19, yang bermaksud: *"Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai"* (dalam Muhammad Basmih, 2000).

Beberapa justifikasi dan alasan yang disertakan selepas sesuatu perintah atau suruhan dalam melaksanakan nilai-nilai

baik dijangka mampu menambah keyakinan anak-anak untuk menerima pendidikan yang diberikan kepadanya. Ini adalah kerana pendidikan yang diberikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya diiringi dengan alasan yang munasabah, bertujuan untuk menguatkan hujah (al-Zuhaili, 1991; dan al-Mubarakpuri, 2000). Justeru, pendidikan sebegini harus dicontohi oleh pendidik semasa pengajaran nilai.

KESIMPULAN

Artikel ini mengetengahkan tema pendidikan Luqman al-Hakim, yang merupakan satu watak yang agung didalam pendidikan Islam, yang telah direkodkan didalam Al-Qur'an oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*); serta ianya juga telah mengetengahkan beberapa nilai murni dan unggul dalam usaha mendidik anaknya. Tercatatnya nama Luqman al-Hakim di antara surah-surah di dalam Al-Qur'an menunjukkan betapa tinggi nilai dan sumbangannya didalam sektor pendidikan di sisi Allah SWT. Oleh itu, sumbangan Luqman al-Hakim itu tidak boleh dibiarkan berlepas pergi tanpa dimanfaatkan oleh masyarakat Islam, terutamanya di saat-saat kita berhadapan dengan krisis akhlak dan moral pada waktu ini.

Kertas kerja ini mengesyorkan supaya intipati pendidikan yang diwasiat oleh Luqman al-Hakim wajar dijadikan garis panduan untuk membentuk nilai murni yang dapat diaplikasikan dalam pendidikan. Luqman al-Hakim telah menggunakan ayat-ayat suruhan yang sopan, larangan, serta arahan persediaan jati diri dan modal insan yang berguna semasa mendidik anaknya, juga perlu diambil perhatian bagi pendidikan masa kini. Corak pendidikan yang digunakan itu munasabah, mudah difahami, dan tetap unggul, lagi bersesuaian dalam konteks masa kini. Selain itu, corak pendidikannya juga boleh mendorong semangat berfikir secara kritis dan kreatif di kalangan anak-anak. Justeru itu, asas-asas nilai yang ditekan didalam Al-Qur'an, surah Luqman ayat 13 hingga 19, wajar dijadikan panduan dan diadaptasikan oleh para pendidik dan ibu-bapa, juga oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Bibliografi

- al-Mubarakpuri, Shaykh Safiur-Rahman. (2000). *Tafsir Ibn Kathir: Abridged*. Riyadh: Darussalam.
- al-Na'miy, 'Abdullah al-Amin. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhr al-Din Ibn al-'Allamah Diya' al-Din 'Umar. (1995). *Al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1981). *Safwat al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- al-Zuhaili, Wahbah. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Aroff, Abdul Rahman & Zakaria Kasa. (1999). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamid, Rosnaini et al. (2005). "Amalan-amalan Terbaik dalam Pendidikan Menurut Luqman al-Hakim" dalam *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*. Penang: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru dan USM [Universiti Sains Malaysia], ms.464-471.
- Hawwa, Sa'id. (1989). *Al-Asas fi al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Salam.
- JP [Jabatan Pendidikan]. (1998). *Kajian Keberkesanan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Penyerapan Nilai-nilai Murni dalam KBSM*. Kuala Lumpur: Penerbit UIAM [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia].
- Mohd Nordin, Wan Mohd Zahid. (1988). "Kearah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara" dalam *Prosiding Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dan Kementerian Pendidikan Malaysia, ms.1-16.
- Muhammad Basmih, Abdullah. (2000). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Semait, Syed Ahmad. (1991). *Wasiat Luqman al-Hakim kepada Puteranya*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Suhid, Asmawati. (2005). "Kerelevanan Pendidikan Nilai dan Agama dalam Pembentukan Masyarakat Madani" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, 11(2), ms.76-77.